

**Pasukan Keselamatan Pastikan Keselamatan Pengundi Di Pantai Timur Sabah -
Najib
Bernama
3 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak pada Rabu berkata pasukan keselamatan akan menjalankan tugas memastikan keadaan persekitaran di pantai timur Sabah selamat untuk penduduk kawasan itu menunaikan hak sebagai pengundi.

Sehubungan itu, perdana menteri berkata penduduk di kawasan itu, yang terlibat dalam insiden pencerobohan militan dari selatan Filipina, tidak perlu takut untuk keluar mengundi pada pilihan raya umum ke-13 ini.

"Setiap undi anda adalah penting. Jangan bazirkan ia, janganlah dipertaruhkan masa depan anak-anak dan negara Malaysia," kata perdana menteri dalam ucapan khas mengumumkan pembubaran Dewan Rakyat yang disiarkan secara langsung melalui televisyen dan radio pada Rabu.

"Fikir dan renungkanlah dengan sebaik-baiknya sebelum membuat keputusan, ini kerana undi saudara dan saudari akan menentukan bukan sahaja hala tuju negara dan negeri tetapi juga untung nasib anak cucu kita semua," katanya.

Pada 12 Feb lepas, sekumpulan pengganas militan menceroboh pesisir pantai Lahad Datu, membawa kepada gerakan ofensif pasukan keselamatan terhadap kumpulan dari selatan Filipina itu pada 5 Mac.

Insiden itu menyebabkan penduduk di beberapa kampung di gugusan Felda Sahabat, Lahad Datu, ditempatkan di pusat pemindahan bagi membolehkan pasukan keselamatan membersihkan perkampungan mereka daripada kumpulan militan itu.

Kesemua penduduk kampung terlibat telah kembali ke rumah masing-masing secara berperingkat mulai minggu lepas apabila pasukan keselamatan memberi jaminan kawasan kediaman mereka selamat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939106>

